

Headline **Universiti Sains Angkasa Lepas**  
Date **29. Apr 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **174** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**



## ● Universiti Sains Angkasa Lepas

Oleh **RAJA SYAHRIR ABU BAKAR**

**KUALA LUMPUR** 28 April – Cadangan menubuhkan Universiti Sains Angkasa Lepas Malaysia (UniSam) oleh sebuah syarikat swasta di negara ini adalah tidak perlu dan belum sampai masanya, kata Ketua Delegasi Sainitis Malaysia untuk Program Angkasawan Negara, Profesor Dr. A. Rahman A. Jamal.

Beliau berpendapat, buat masa ini, negara tidak memerlukan sebuah universiti khusus untuk program angkasa.

“Secara ikhlas, saya rasa Malaysia belum lagi memerlukan sebuah universiti yang memfokuskan tentang ilmu angkasa,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan *Bernama* hari ini berhubung cadangan sebuah syarikat tempatan, Next Systems Sdn. Bhd., dan rakan kongsinya dari luar negara yang mahu mendirikan Universiti Sains Angkasa Lepas bernilai RM6.1 bilion di kawasan seluas 1,000 hektar di Kota Tinggi, Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Noor Faizal Abdul Samad berkata, cadangan itu masih di peringkat perbincangan dengan rakan kongsi luar negara dan akan dikemukakan kepada kerajaan selepas segala perancangan selesai.

Dr. A. Rahman seterusnya memberitahu, faktor lain ialah tenaga pengajar dalam industri ini masih berkurangan di Malaysia.

“Anda sendiri tahu keupayaan kita masih terhad berbanding Amerika Syarikat dan Rusia,” jelasnya.

Bagaimanapun, beliau menambah, kurikulum (sains angkasa lepas) yang dicadangkan pula perlu diperhalusi oleh Lembaga Akredita-

si Negara (LAN).

Menurutnya, program atau kurikulum berkaitan angkasa lepas sudah wujud antaranya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Katanya, program angkasa lepas di universiti-universiti itu buat masa ini berupaya menampung keperluan negara, tetapi tidak menolak kemungkinan ia perlu dimantapkan.

Di **JOHOR BAHRU**, kerajaan negeri terkecuali dengan cadangan sebuah syarikat untuk mewujudkan universiti bernilai RM6.1 bilion yang khusus untuk pengajian sains angkasa di Johor, memandangkan ia tidak pernah dimaklumkan mengenai perkara itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi negeri, Maulizan Bujang berkata, beliau hanya mengetahui mengenai cadangan penubuhan universiti itu daripada laporan akhbar hari ini.

“Sehingga kini, kerajaan negeri masih belum mendapat sebarang maklumat mengenai cadangan pembinaan universiti ini.

“Sekiranya, pihak berkenaan benar-benar berhasrat untuk menubuhkan universiti ini di Johor, maka perjumpaan perlu diaturkan untuk perbincangan lanjut,” katanya.

Menurut Maulizan, penubuhan sesebuah universiti perlu melalui Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu dan ia turut membatik kerajaan negeri memandangkan tapak yang dicadangkan itu terletak di Johor.

“Untuk universiti ini ditubuhkan ia perlu memenuhi dasar dan syarat yang ditetapkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

“Saya berpendapat perkara ini mungkin perlu dikaji dengan lebih teliti,” katanya.